

GARIS PANDUAN DAN KRITERIA PENCALONAN

ANUGERAH BUKU KARYA SUNTINGAN

1.0 NAMA ANUGERAH

Anugerah Buku Karya Suntingan

2.0 TAKRIFAN

Karya Suntingan (*Edited Book*) ialah buku yang mengandungi beberapa bab yang mana setiap bab ditulis oleh penulis yang berbeza dan buku ini diselenggara oleh seorang atau beberapa orang editor penyelenggara. Karya Suntingan (*Edited Book*) seharusnya mempunyai satu tema yang luas dan judul setiap bab haruslah diikat oleh tema yang sama.

Karya bermaksud buku yang dihasilkan sendiri oleh pengarang berkenaan yang julung kali diterbitkan, dan bukan terjemahan, saduran atau ciplakan/plagiat.

Penerbit Berwibawa bermaksud Penerbit yang berdaftar dengan badan beriktiraf seperti MAPIM diambil kira.

Sistem Pewasitan bermaksud buku yang melalui proses penilaian secara formal oleh pakar bidang yang dilantik bagi menentukan kredibiliti dan kualiti buku tersebut.

3.0 LATAR BELAKANG ANUGERAH

Anugerah ini bertujuan untuk mengiktiraf individu yang cemerlang dalam bidang penulisan Buku Karya Suntingan. Pemberian anugerah ini adalah berdasarkan syarat pencalonan dan kriteria penilaian Anugerah Buku Karya Suntingan.

4.0 KATEGORI ANUGERAH

- (a) Kategori Sains dan Teknologi (S&T)
- (b) Kategori Sains Sosial (SS)

5.0 KRITERIA/SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- (1) Calon : Hendaklah terdiri daripada staf Universiti Teknologi Malaysia (UTM) iaitu salah seorang editor penyelenggara yang masih berkhidmat dalam tahun penganugerahan.
- (2) Pencalonan: Buku terbitan Penerbit UTM Press secara automatik akan dicalonkan. Setiap pencalonan daripada penerbit luar perlu disokong dan diperakukan oleh Dekan/Timbangan Dekan/ Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan Akademik Fakulti.
- (3) Bilangan editor: Karya suntingan yang dihasilkan oleh seorang atau tidak lebih daripada lima orang penyunting.
- (4) Jenis karya yang layak dicalonkan: Hanya buku karya suntingan yang melalui proses penerbitan secara formal terbitan Penerbit UTM Press atau *Penerbit Luar yang diterbitkan dalam tahun dinilai, yang mempunyai ISBN dan data pengkatalogan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).
- (5) Hanya buku edisi pertama cetakan tahun yang dinilai sahaja layak dicalonkan.
- (6) Karya diterbitkan oleh penerbit dalam atau luar negara yang berwibawa, mengamalkan sistem pewasitan dan amalan penerbitan yang piawai.
- (7) Keseluruhan karya hendaklah yang diterbitkan dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris sahaja.
- (8) Bahan Bukti Penyertaan: Pencalonan hendaklah disertakan dengan empat (4) naskah bercetak atau format buku elektronik yang boleh diterima adalah seperti PDF, EPUB, ePUB3 atau yang setaraf. Semua naskah ini tidak akan dikembalikan bagi buku terbitan selain Penerbit UTM Press.
- (9) Tarikh tutup pencalonan: Pencalonan buku terbitan penerbit luar hendaklah sampai kepada urus setia selewat-lewatnya pada **28 April 2024 (Ahad)** sebelum atau pada jam 5.00 petang.

(Nota: ***Penerbit luar** ditakrifkan sebagai penerbit dalam negara yang menganggotai Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM), Persatuan Penerbit Buku Malaysia (Malaysian Book Publishers Association – MABOPA)/ menganggotai Persatuan Penerbit Buku Bumiputera (Bumiputera Book Publishers Association–IKATAN)/Pusat Penyelidikan/Badan Profesional/Badan Bukan Kerajaan dan termasuk penerbit antarabangsa yang melakukan proses penerbitan secara formal: **melalui proses penilaian dan penyuntingan atau mempunyai lembaga editorial**).

6.0 KRITERIA PENILAIAN

Kriteria penilaian yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (1) Buku ditulis oleh berbilang pengarang/penyumbang dan disunting oleh tidak lebih lima orang editor penyelenggara dalam bidang buku yang berkenaan.
- (2) Buku ini mesti menampilkan satu tema besar dengan fokus yang jelas
- (3) Bab yang ditulis oleh seorang atau tidak lebih daripada empat orang penulis.
- (4) Mempunyai bab 'Pendahuluan' yang ditulis oleh editor untuk mentakrifkan judul dan bidang buku tersebut, serta mengikat semua bab yang dihimpun.
- (5) Setiap bab ditulis dalam bentuk struktur dan format sebuah bab dan bukan kumpulan kertas kerja.
- (6) Semua bab ditulis berdasarkan idea yang berkesinambungan antara satu sama lain.
- (7) Semua bab menggunakan sistem dan gaya rujukan yang konsisten.
- (8) Editor penyelenggara mesti menyumbang sekurang-kurangnya satu (1) bab dan mesti menulis bab pendahuluan.

7.0 KAEDAH PENILAIAN DAN PEMARKAHAN

7.1 Kaedah Penilaian

7.1.1 Saringan awal :

Semua karya perlu melepasi saringan awal daripada panel anugerah buku karya suntingan.

7.1.2 Penilaian :

Penilaian Teknikal : Panel Anugerah Karya suntingan (30%)

Penilaian pakar bidang : Dua (2) orang penilai pakar bidang dari dalam atau luar UTM (70%)

7.2 Kaedah Pemarkahan

Pemarkahan adalah berdasarkan kriteria utama seperti berikut:

- (1) Pakar bidang: 70 markah
- (2) Panel anugerah buku karya suntingan: 30 markah

Bil.	Kriteria	Markah (%)
1	Kriteria 1: Keaslian Karya dan Kekuatan	40
2	Kriteria 2: Gaya Penulisan, Persembahan dan Bahasa	30
3	Kriteria 3: Etika	10
4	Kriteria 4: Gaya Penerbitan	20
JUMLAH KESELURUHAN		100

Tanda aras pemarkahan untuk pemilihan pemenang.

Bil.	Pemenang	Markah (%)
1	Hadiah Utama	90
2	Hadiah Penghargaan	80

8.0 KOS HADIAH

Kategori	Hadiah Utama	Hadiah Penghargaan
(a) Sains & Teknologi	<ul style="list-style-type: none"> • RM1,000 dan sijil (Seorang Pemenang) 	<ul style="list-style-type: none"> • Sijil Penghargaan (3 orang Pemenang)
(b) Sains Sosial	<ul style="list-style-type: none"> • RM1,000 dan sijil (Seorang Pemenang) 	<ul style="list-style-type: none"> • Sijil Penghargaan (3 orang pemenang)

CITRA KARISMA 2024
Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Penghargaan UTM

9.0 SENARAI JAWATANKUASA ANUGERAH

Jawatan	Nama	PTJ
Pengerusi	Prof. Dr. Sharidan Shafie	FS
Timbalan Pengerusi	Prof. Madya Ts. Dr. Shahida Sulaiman	FC
Ahli	Prof. Dr. Farahwahida Mohd Yusof	FSSK
Ahli	Prof. Dr. Rosli Hussin	PUTM Press
Ahli	Prof. Dr. Roosfa Hashim	UIAM
Ahli	Prof. Madya Dr. Siti Rahmah Awang	PUTM Press
Ahli	Tn. Hj. Yosman Mohd Bain	PUTM Press
Setiausaha	Pn. Rasyiqah Abdul Rani	PUTM Press
Urusetia	Pn. Syazlin Sarapol	PUTM Press